

Nor Yakcop: Pusat terus sumbang kepada P Pinang
Malaysiakini.com
Disember 4, 2010

Kerajaan persekutuan masih banyak menyumbang kepada Pulau Pinang walaupun ia mengalami kesukaran kewangan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

mohamed nor yaacob Beliau berkata sehubungan itu kerajaan persekutuan akan meneruskan usaha membina projek Jambatan Pulau Pinang Kedua yang bernilai bilion ringgit dan pelebaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang bernilai kira-kira RM250 juta.

"Selain itu, kita juga sedang mengusahakan projek Penang Sentral di Butterworth dan tiga tahun lalu melancarkan perkhidmatan bas Rapid Pulau Pinang untuk kemudahan rakyat.

"Kita mahu menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya yang boleh didiami supaya ia boleh menarik pelabur bagi menjana pertumbuhan ekonominya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku bertajuk "Cities, People And The Economy: A study on Positioning Penang" di Georgetown hari ini.

second penang bridge 091108 pilling Nor Yakcop berkata negara menyasar pertumbuhan minimum ekonomi sebanyak enam peratus menjelang 2020 dan untuk mencapai sasaran itu ia turut bergantung kepada Pulau Pinang yang turut menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

"Sekiranya Pulau Pinang boleh mencapai pertumbuhan enam, tujuh atau lapan peratus, ia boleh turut membantu negara secara keseluruhan," katanya.

Mengenai pengurangan subsidi kepada petrol RON 95, diesel dan gas asli cecair serta gula yang berkuat kuasa hari ini, beliau berkata ia tidak bertujuan untuk menyusahkan hidup rakyat.

"Kerajaan adalah berorientasikan rakyat tetapi pada masa yang sama kerajaan perlu memastikan pengukuhan defisit bajet berlaku. Jadi saya yakin sedikit kenaikan harga tidak menjejaskan perbelanjaan harian rakyat," katanya.

- Bernama